

Semangat juang kurang disemai

SEMANGAT kebangsaan Melayu yang lahir daripada perjuangan Datuk Onn Jaafar tidak disemai sepenuhnya dalam generasi masa kini sehingga menyebabkan mereka gagal bersaing dalam semua bidang.

Datuk Dr Hassan Ahmad dari Yayasan Karyawan Malaysia, berkata semangat kebangsaan Melayu hendaklah dibina semula kerana orang Melayu kini merasa selamat hasil perjuangan lalu.

"Onn meletakkan orang Melayu dalam landasan tepat dan betul sepanjang perjuangannya untuk menyedarkan bangsanya tetapi selepas 60 tahun, orang Melayu masih terus gagal bersaing," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Kesinambungan Perjuangan Melayu dan Cabaran Masa Depan'.

Beliau juga mempersoalkan mengapa orang Melayu terus berjuang

BH - 5/12/2006
mempertahankan hak dan kepentingan mereka walaupun Raja, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta sebahagian menteri dalam Kabinet adalah Melayu.

Katanya, ini berlaku berikutan negara terus mengekal dan menggunakan sistem atau model penjajahan untuk menyelesaikan masalah, memperbaiki atau memajukan Melayu terutama bidang ekonomi dan pendidikan.

Katanya, orang Melayu tidak membangunkan bangsa dan negara berdasarkan acuan nilai sendiri selain menganggap globalisasi satu daripada penentu utama kemajuan bangsa dan negara.

Beliau berkata, jika orang Melayu mahu menebus ketinggalan dalam arus kemajuan, mereka perlu mempertahankan dan mengekalkan jati diri budaya bangsa Melayu-Islam mereka di negara ini.